

TARIKH	28 / 9 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	25	RUANGAN	dm Negeri

Jemaah haji kita bebas wabak SARS

KUALA LUMPUR 27 Sept. - Tiada jemaah haji Malaysia dijangkiti wabak Sindrom Pernafasan Teruk (SARS) di Tanah Suci.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom (**gambar**) berkata, setakat ini, tiada laporan menunjukkan jemaah Malaysia terlibat dengan wabak berkenaan.



"Kita (Malaysia) sudah bersiap sedia dan menghantar pasukan perubatan terdiri daripada 182 pakar yang sentiasa memberi peringatan kepada jemaah ber-

hubung penjagaan kesihatan.

"Kerajaan Arab Saudi juga ada memaklumkan berkaitan SARS dan mereka sudah mengambil tindakan drastik bagi memastikan wabak berkenaan tidak menular," katanya pada sidang akhbar selepas majlis pelepasan 356 jemaah haji kumpulan KT41 di Kompleks Tabung Haji, Kelana Jaya dekat sini hari ini.

Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah dan Raja Permaisuri Agong, Tuanku Hajah Haminah berkenan berangkat mengucapkan selamat jalan kepada 356 jemaah tersebut.

Turut hadir Duta Besar Arab Saudi, Fahad A. H. Al-Rashid.

Tambah Jamil Khir, kerjasama dengan Kementerian Kesihatan Arab Saudi turut membantu kementerian mendapatkan maklumat terkini tentang kesihatan jemaah haji, di samping laporan kaji cuaca.

"Menurut Lembaga Tabung Haji, setakat ini hanya lima jemaah haji dimasukkan ke hospital kerana sakit biasa manakala dua lagi meninggal dunia akibat masalah jantung," katanya.

Sementara itu, menurut beliau, lebih 10,000 jemaah haji sudah tiba di Madinah dan beberapa kumpulan kecil telah memulakan perjalanan menuju ke kota Mekah.